

## **PROSIDING**

# *Seminar* **POLITIK MALAYSIA**

### **Penyunting**

Worran Hj. Kabul  
Shireen Haron  
Mat Zin Mat Kib  
Abdul Kadir Rosline

# **SUASANA POLITIK SELEPAS PILIHAN RAYA KE-12 DALAM LINGKUNGAN 200 HARI**

*Ahmad Zaharuddin Sani bin Ahmad Sabri*

## **ABSTRAK**

*Pilihan raya merupakan salah satu asas berkerajaan sendiri dan mengisi kemerdekaan sesebuah negara. Ini adalah satu proses dan satu sistem yang membolehkan rakyat negara bangsa tersebut memilih pemimpin dan parti yang akan membentuk kerajaan. Pilihan raya juga merupakan salah satu asas utama dalam pengamalan sistem demokrasi bagi negara-negara yang telah merdeka (Ramlah Adam, 2003). Selain itu, merupakan suatu mekanisme demokrasi untuk memilih calon yang sesuai untuk memenuhi jawatan-jawatan penggubal undang-undang, eksekutif, perundangan dan kerajaan tempatan. Keputusan pilihan raya umum pada 8 Mac yang lalu telah mencipta satu sejarah baru dalam rekod Parti Barisan Nasional, yang menafikan majoriti dua pertiga BN di Parlimen dan kekalahan lima buah negeri di peringkat DUN ke dalam tangan pihak pembangkang. Ini merupakan keputusan yang terburuk BN sejak negara mencapai kemerdekaan. Kertas ini akan mengupas serta mengkaji impak pilihara yang tersebut terhadap keutuhan gabungan parti pemerintah, kekuatan "tsunami" pakatan parti pembangkang serta implikasi terhadap rakyat dalam lingkungan 200 hari selepas pembentukan kerajaan baru. Kajian yang dilakukan hanya bersandarkan terhadap kajian perpustakaan. Dengan pengumpulan maklumat bersumberkan berita-berita yang disiarkan dalam arus perdana.*

## **PENGENALAN**

Pilihan raya merupakan salah satu asas berkerajaan sendiri dan merupakan satu proses untuk mengisi kemerdekaan sesebuah negara. Ia adalah satu kaedah dan satu sistem yang membolehkan rakyat sesebuah negara untuk memilih pemimpin dan parti yang akan membentuk kerajaan. Pilihan raya juga merupakan salah satu asas utama dalam pengamalan sistem demokrasi bagi negara-negara yang telah mencapai kemerdekaan (Ramlah Adam, 2003). Ia merupakan suatu mekanisme demokrasi untuk memilih calon yang sesuai untuk memenuhi jawatan-jawatan penggubal undang-undang (legislatif), eksekutif, perundangan dan kerajaan tempatan.

Kaedah atau sistem pilihan raya boleh dikategorikan kepada dua iaitu samada perwakilan berkadar (proportional) atau sistem majoriti (majoritarian). Sistem pilihan raya mementingkan pemenang, atau beberapa pemenang menurut pengiraan undi yang diperolehi setiap calon yang bertanding. Pemenang sesuatu kawasan akan menjadi tumpuan masyarakat, kerana beliau akan mewakili suara rakyat di Parlimen mahupun di Dewan Undangan Negeri (DUN) dan terlibat secara

langsung dalam proses penggubalan undang-undang. Oleh itu cara pemilihannya amat penting dan sepatutnya selari dengan kehendak demokrasi. Selain dari itu pilihan raya biasanya dipantau oleh sebuah badan bebas, misalnya di Malaysia ianya dipantau oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Bagi Persekutuan Tanah Melayu, peruntukan untuk mengadakan pilihanraya telah termaktub dalam Perjanjian Persekutuan 1948 yang menjanjikan pilihan raya kepada Tanah Melayu pada satu masa yang sesuai. Ianya mesti dilaksanakan sebelum mencecah lima tahun selepas berakhirnya sesebuah pilihanraya.

## **SENARIO KEPUTUSAN PILIHAN RAYA UMUM KE-12**

Pilihan Raya Umum Malaysia 2008 merupakan pilihan raya umum yang ke-12 diadakan di Malaysia pada hari Sabtu, 8 Mac 2008 setelah Parlimen dibubarkan pada 13 Februari 2008 diikuti dengan hari penamaan calon pada 24 Februari 2008. Hasilnya, Barisan Nasional (BN) masih menang di peringkat Parlimen tetapi di peringkat DUN, BN tewas di Kelantan, Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Selangor. Kekalan ini juga melibatkan penghapusan majoriti perwakilan BN di Wilayah Persekutuan. Banyak calon Pertubuhan Melayu Kebangsaan (UMNO) tewas kepada Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan juga Parti Keadilan Rakyat (PKR). Sementara calon-calon lain parti komponan BN kalah teruk kepada Pakatan Rakyat yang membentuk Barisan Alternatif yang menggabungkan PAS, PKR dan juga Democratic Action Party (DAP).

BN dalam Pilihan Raya Umum ke-12 telah dinafikan majoriti 2/3 dan hanya dapat membentuk kerajaan pusat dengan majoriti asas (iaitu lebih daripada 1/2 jumlah kerusi). Bagi Dewan Undangan Negeri pula, BN gagal mempertahankan kerajaannya di negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor serta gagal mencapai hasratnya untuk membentuk kerajaan di negeri Kelantan. Pilihan raya kali ini juga melihatkan kegagalan banyak ahli politik veteran mempertahankan kerusi mereka, antaranya termasuk Koh Tsu Koon, Samy Vellu, Shahrizat Abdul Jalil, M. Kayveas, Aziz Ismail, Chew Mei Fun, Zainuddin Maidin, Tan Chai Ho. Manakala kemenangan kerusi Parlimen Perdana Menteri, Abdullah Ahmad Badawi (Pak Lah) tidak begitu membanggakan apabila undi majoritinya berkurangan banyak berbanding dengan Pilihanraya Umum tahun 2004. Rekod kekalahan Barisan Nasional kali ini adalah yang paling buruk diikuti Pilihan Raya Umum 1969 dan 1999.

Pemimpin kanan yang tewas juga enggan dilantik sebagai senator untuk terus menjadi menteri, manakala Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting, yang menang di Parlimen Kulai, Johor, turut menolak sebarang jawatan Kabinet bagi membolehkannya menumpukan perhatian kepada usaha memperkuatkannya semula asas parti itu.

Dalam pengagihan jawatan dalam Kabinet kali ini, ternyata Perdana Menteri cuba mewujudkan keseimbangan di kalangan semua parti komponen, walaupun hampir semuanya mengalami kegagalan teruk pada pilihan raya umum yang baru berlalu.

Pilihan raya umum ke-12, MCA hanya memenangi 15 daripada 40 kerusi Parlimen yang ditandingi dan parti itu hanya memohon empat jawatan menteri serta lima timbalan menteri. MCA kini terdapat empat menteri dan enam timbalan menteri berbanding empat jawatan menteri, lapan timbalan menteri, empat Setiausaha Parlimen dan seorang Timbalan Speaker Dewan Rakyat yang diperuntukkan selepas Pilihan Raya Umum 2004.

Empat menteri penuh bagi MCA adalah Setiausaha Agungnya, Datuk Ong Ka Chuan bagi menggantikan Datuk Ong Ka Ting selaku Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, manakala Naib Presiden, Datuk Ong Tee Keat berpindah daripada Timbalan Menteri Pengajian Tinggi kepada Menteri Pengangkutan. Ketua Pemuda, Datuk Liow Tiong Lai pula dinaikkan pangkat daripada Timbalan Menteri Belia dan Sukan menjadi Menteri Kesihatan, manakala Ketua Wanita MCA, Datuk Dr Ng Yen Yen, yang juga bekas Timbalan Menteri Kewangan, kini dilantik menerajui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, sekali gus menjadikannya wanita MCA pertama dilantik sebagai menteri penuh.

Barisan enam timbalan menteri MCA menyaksikan bekas Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Kong Cho Ha berpindah untuk memegang jawatan sama di Kementerian Kewangan. Ahli Parlimen Alor Star yang juga Timbalan Pengerusi MCA Kedah, Datuk Chor Chee Heung kembali memenuhi jawatan lama beliau selaku Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Empat lagi adalah muka baru MCA dari Johor iaitu Ahli Parlimen Kluang, Datuk Dr Hou Kok Chung, yang dilantik Timbalan Menteri Pengajian Tinggi; Ahli Parlimen Tebrau, Teng Boon Soon menduduki jawatan Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan; Wee Jeck Seng yang menggantikan Ka Ting bertanding di Parlimen Tanjung Piai, dilantik sebagai Timbalan Menteri Belia dan Sukan serta Setiausaha Agung Pemudanya, Datuk Dr Wee Ka Siong yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Pelajaran.

Bagi masyarakat India, walaupun kali ini hanya empat wakil dipilih menyertai kerajaan. Angka mereka di Parlimen dan DUN meningkat mendadak, mencecah angka terbesar yang belum pernah dicapai sebelum ini, walaupun kebanyakannya pada pihak pembangkang. Pilihan Raya Umum 2004 menyaksikan MIC menyapu bersih semua sembilan kerusi Parlimen dan 19 kerusi DUN yang diperuntukkan, namun lain pula ceritanya tahun ini apabila hanya tiga calon parti itu menang di Parlimen dan tujuh di DUN.

Secara keseluruhan, kini ada 15 Ahli Parlimen dan 16 Adun berketurunan India, termasuk seorang Timbalan Ketua Menteri di Pulau Pinang dan beberapa lagi yang memegang jawatan Exco di empat negeri dikuasai pembangkang iaitu Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Kedah.

Dalam Kabinet sebelum ini MIC memiliki satu jawatan menteri dan masing-masing tiga jawatan timbalan menteri serta Setiausaha Parlimen, kali ini MIC terpaksa berpuas hati dengan satu jawatan menteri dan dua timbalan menteri.

Kaum India disifatkan antara faktor utama kekalahan teruk ramai calon BN kali ini, Kabinet kecil dan padat Abdullah memberi peluang kepada empat wakil berketurunan India. Veteran MIC yang tersungkur dalam Pilihan Raya Umum Ke-12, sekali gus tersingkir daripada kerajaan ialah Samy Vellu, yang berkhidmat dalam Kabinet sejak 1979; Timbalan Presiden, Datuk G. Palanivel; Naib Presiden, Datuk S. Sothnathan; Ketua Wanita, Datuk Paduka K. Komaladevi dan Ketua Pemuda S.A. Vigneswaran.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi terpaksa melantik Datuk Dr S. Subramaniam yang menang di Parlimen Segamat, S.K. Devamany di Cameron Highlands dan Datuk M. Saravanan di Tapah, menyertai barisan pentadbiran beliau sebelum ini jawatan Menteri Kerja

Raya menjadi kuota MIC, kini Subramaniam yang juga Setiausaha Agung MIC, diberi mandat menjadi Menteri Sumber Manusia, manakala Saravanan, yang juga Ketua Penerangan MIC, dilantik sebagai Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Devamany sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Datuk Dr S Subramaniam dilantik dan diberi peluang supaya dapat mengatasi masalah kekurangan peluang kerja dan skim latihan di kalangan remaja India yang menjadi punca kadar pengangguran tinggi di kalangan masyarakat itu. Saravanan pula mampu menjadi timbalan menteri yang berkesan kerana beliau berasal dari Kuala Lumpur dan juga Ketua MIC Kuala Lumpur.

Anggota Jawatankuasa Pusat Gerakan, A Kohilan Pillay, yang dilantik Senator, Januari lalu, memegang jawatan Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, sedangkan parti itu tidak meletakkan calon keturunan India dalam pilihan raya umum lalu. Umumnya kita dapat melihat perkembangan ini sebagai usaha menenangkan masyarakat India dan rakyat secara keseluruhan. Bagi parti Gerakan yang turut dihukum oleh pengundi apabila hanya dua daripada 12 calon Parlimennya menang, dua wakilnya dilantik memegang jawatan timbalan menteri. Selain Kohilan, Ketua Wanita Gerakan, Datuk Tan Lian Hoe yang menang di Grik, dilantik sebagai Timbalan Menteri Penerangan.

**Kedudukan Kerusi Dewan Rakyat yang Dimenangi pada Tahun 2008**

NEGERI	JUMLAH KERUSI	BN		PAS		DAP		PKR		JUMLAH
		CLN	MTB	CLN	MTB	CLN	MTB	CLN	MTB	
PERLIS	3	3	0	0	0	0	0	0	0	3
KEDAH	15	4	0	6	0	0	0	5	0	15
KELANTAN	14	2	0	9	0	0	0	3	0	14
TERENGGANU	8	7	0	1	0	0	0	0	0	8
PULAU PINANG	13	2	0	0	0	7	0	4	0	13
PERAK	24	13	0	2	0	6	0	3	0	24
PAHANG	14	12	0	0	0	0	0	2	0	14
SELANGOR	22	5	0	4	0	4	0	9	0	22
W.P. KUALA LUMPUR	11	1	0	1	0	5	0	4	0	11
W.P. PUTRAJAYA	1	1	0	0	0	0	0	0	0	1
N. SEMBILAN	8	5	0	0	0	2	0	1	0	8
MELAKA	6	5	0	0	0	1	0	0	0	6
JOHOR	26	24	1	0	0	1	0	0	0	26
W.P. LABUAN	1	1	0	0	0	0	0	0	0	1
SABAH	25	22	2	0	0	1	0	0	0	25
SARAWAK	31	25	5	0	0	1	0	0	0	31
JUMLAH	222	132	8	23	0	28	0	31	0	222


CLN – Calon yang Menang

MTB – Menang Tanpa Bertanding

## Kedudukan Kerusi DUN yang Dimenangi Pada Tahun 2008

NEGERI	JUMLAH KERUSI	BN		PAS		DAP		BEBAS		PKR		JUMLAH
		CLN	MTB	CLN	MTB	CLN	MTB	CLN	MTB	CLN	MTB	
PERLIS	15	14	0	1	0	0	0	0	0	0	0	15
KEDAH	36	14	0	16	0	1	0	1	0	4	0	36
KELANTAN	45	6	0	37	1	0	0	0	0	1	0	45
TERENGGANU	32	24	0	8	0	0	0	0	0	0	0	32
PULAU PINANG	40	11	0	1	0	19	0	0	0	9	0	40
PERAK	59	28	0	6	0	18	0	0	0	7	0	59
PAHANG	42	37	0	2	0	2	0	1	0	0	0	42
SELANGOR	56	19	1	8	0	13	0	0	0	15	0	56
W.P. KUALA LUMPUR	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
W.P. PUTRAJAYA	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
N. SEMBILAN	36	21	0	1	0	10	0	0	0	4	0	36
MELAKA	28	23	0	0	0	5	0	0	0	0	0	28
JOHOR	56	50	0	2	0	4	0	0	0	0	0	56
W.P. LABUAN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
SABAH	60	57	2	0	0	1	0	0	0	0	0	60
SARAWAK	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	505	304	3	82	1	73	0	2	0	40	0	505

## Carta Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12



Pilihan Raya Umum Ke-12 telah menampakkan perubahan yang drastik dan tidak dijangka oleh pihak Barisan Nasional sendiri. Ini kerana peratus undian yang dimenangi oleh Barisan Nasional sebanyak 50.6 % bukanlah satu keputusan yang membanggakan dimana pihak pembangkang telah mendapat peratus undian sebanyak 49.4%. Peratusan undian ini jelas menampakkan rakyat sudah mula hilang kepercayaan kepada Barisan Nasional dan memihak kepada pihak pembangkang yang menjanjikan angin perubahan dalam pimpinan mereka. Kewujudan parti Pakatan Rakyat yang menggabungkan PKR,DAP dan PAS dilihat lebih kuat dari segi percaturan politik mereka. Banyak kajian yang telah dibuat oleh penganalisis politik dalam menyatakan faktor yang menyumbang kepada kemenangan tipis Barisan Nasional.

**Reaksi Kerajaan Persekutuan Selepas Pilihan Raya Ke-12**

Tsunami politik yang berlaku dalam pilihan raya umum (PRU) ke-12 memberi kejutan terbesar kepada parti-parti pemerintah komponen Barisan Nasional (BN). Barisan Nasional terkejut dengan prestasi kekalahan mereka di lima buah negeri, ada sesetengah berpendapat bahawa pilihan raya ke 12 kali ini menunjukkan wujud fonomena “BN-bashing” dan Malay-bashing”. Gejala orang UMNO

menentang UMNO, orang MCA menentang MCA dan orang MIC menentang MIC telah berlaku. Kerajaan Barisan Nasional hanya mampu mendapat majoriti mudah di parliment untuk membentuk kerajaan iaitu hanya sebanyak 140 kerusi, daripada 222 kerusi di parliment hal ini amat memerlukan kerajaan Barisan Nasional kerana biasanya kerajaan yang dibentuk di bentuk di Malaysia akan mempunyai majoriti lebih dua per tiga di parliment. Keadaan ini telah merubah keadaan politik di Malaysia. Persolannya mampukah Parti Barisan Nasional BN yang setelah sekian lama memerintah Malaysia mampu bertahan dengan gelombang politik era baru di Malaysia.(Thock Ker Pong,2008)

### **Reaksi UMNO Selepas Pilihan Raya ke-12**

Walaupun BN kelihatan mendepani tugas yang lebih mencabar lantaran ia pihak yang menjadi mangsa tsunami politik. Dalam hal ini umno merupakan tujang kepada BN perlu memikul tanggungjawab yang lebih berat untuk memulihkan semula BN. Oleh itu kelangsungan BN dalam arena politik negara kita bergantung kepada sejauh manakah UMNO mampu melakukan perubahan dan reformasi untuk merespons kepada senario dan demensari baru yang terbentuk akibat daripada landaan tsunami politik tanggal 8 mac 2008. Keputusan pilihan raya umum (PRU) ke-12 pada tahun 2008 menyaksikan kehadiran satu krisis besar yang menimpa UMNO.Malah ramai sarjana dan penganalisis Politik Malaysia menggunakan istilah tsunami politik mengambarkan tahap perubahan dan kesanya terhadap percaturan politik Malaysia. Wacana ketuhanan yang selama ini didukung parti dan perjuangan semakin hilang pengaruh di Malaysia. UMNO yang dikatakan sebuah parti yang membela nasib melayu kian hilang sengatnya selepas Pilihan Raya ke-12. Hal ini dapat dilihat umpanya semasa merasmikan Perhimpunan Perpaduan Melayu sempena Maulidir Rasul 1429 hijrah di Kuala Lumpur, Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Muhammad Faris Petra, telah bertitah bahawa ketuanan Melayu tercabar lantaran kaum lain lebih dominan dari segi ekonomi yang merupakan kesan langsung PRU ke-12 (Mingguan Malaysia, 13.4.2008).

UMNO dikuatirinya gagal mempertahankan ketuanan Melayu misalnya krontrak sosial, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, Agama Islam sebagai agama rasmi. Selepas pilihan raya ke-12 Umno dalam dilema sama ada hendak terus meneruskan dasarnya yang memperjuangkan dan melindungi bangsa ataupun tunduk dengan terkanan daripada pimpinan kaum Cina dan India dari BN yang mendakwa dasar UMNO melindungi Kaum Melayu sebagai menghakis kepentingan-kepentingan kaum bukan Melayu, misalnya Ong Ka Ting menyatakan secara terbuka bahawa beliau menolak gagasan/wacana politik ketuanan Melayu yang diamalkan oleh UMNO (Sin Chew Daily 25.4.2008). Pemimpin tersebut mendesak kerajaan agar memberikan kebebasan yang lebih kepada para pengikut bukan Islam membina sekolah-sekolah baru Cina secara institusi dan sistematik. UMNO mestilah membuat pertimbangan yang lebih berhemah bagi menghadapi situasi sekarang supaya tidak pihak yang berasa tersinggung.

Selain itu, tsunami politik ini turut membawa perbalahan dalaman kepada UMNO. Perbalahan ini timbul ekoran daripada prestasi buruk BN dalam PRU ke-12. Oleh itu suara-suara meminta YAB Presiden supaya meletak jawatan sebagai Perdana Menteri dan Persiden Umno mula bergema setelah keputusan pilihan raya umum itu di ketahui. Pada anggapan mereka Pak Lah perlulah bertanggungjawab “kekalahan” tersebut. Antara pihak yang lantang memintak Pak Lah meletak jawatan mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mahamad hingga beliau mengumumkan keluar dari Parti Umno pada 19 Mei 2008. Turut menyokong perletakan jawatan Pak Lah, Tengku Razaleigh Hamzah yang dikatakan akan mencabar kedudukan Pak Lah pada perhimpunan Agong UMNO.

Keadaan ini mengambarkan UMNO mengalami krisis dalaman selepas pilihan Raya ke -12. (Thock Ker Pong, 2008)

### **Reaksi Parti MCA**

Parti MCA yang di tubuhkan sejak enam puluh tahun dahulu di katakan sudah mula hilang taringnya sebagai pembela dan perjuang kepada kaum Cina di Malaysia. Hal ini diperkatakan apabila MCA gagal mendapat sokongan jitu daripada kaum cina yang selama ini setia menyokong MCA yang bernaung di bawah satu payung Barisan Nasional. MCA hanya mampu memenangi 15 kerusi Parlimen daripada 40 kerusi Parlimen yang mereka bertanding. Situasi yang berlaku selepas pilihan raya ke- 12 menyebabkan MCA memanifestasikan pendirian baru dalam perjuangan MCA, para pemimpin parti itu mengenal pasti hala perjuangan *low profile* yang selama ini diterapkan oleh parti menyebabkan mereka kehilangan sokongan para pengundi Cina.

Oleh yang demikian mereka sepakat dalam mengubah hala perjuangan parti mereka ke arah lebih lantang untuk memperjuangkan kepentingan komuniti Cina dan rakyat pelbagai kaum. Hal ini boleh di lihat kenyataan Naib Persiden MCA Ong Tee Kiat mengatakan bahawa isu ketuanan Melayu merupakan tinggalan sejarah dan harus diketepikan oleh para pemimpin Melayu. (Sin Chew Daily 25.4.2008).

Pemimpin itu turut membawa denotasi bahawa hubungan antara orang Melayu dan orang bukan melayu yang tidak seimbang ibarat hubungan seorang tuan dan pengikutnya (Nanyang Siang Pau 9.5. 2008).

Situasi sekarang amat mencabar para pemimpin UMNO sama ada hendak meneruskan dasar melindungi Melayu dan ingin menjaga hati rakan perjuangannya yang semakin lantang mempersoalkan keistimewaan yang dimiliki masyarakat majoriti di Malaysia. (Markus Lim Hang, 2008).

### **Reaksi Parti MIC**

Parti MIC juga tidak terkecuali menerima tamparan hebat kekalahan dalam Pilihan Raya ke 12, malahan pemimpin tertinggi MIC sendiri Datuk Seri Samy Vellu sendiri tewas dalam pilihan raya ke 12 di Sungai Siput Perak , kekalahan ini amat mengejut semua pihak kerana sepanjang kareir politiknya Datuk Samy VeLLu tidak pernah tewas di Sungai Siput Perak. Parti MIC juga menyedari sokongan kaum India terhadap MIC semakin berkurang ini mungkin di sebabkan kaum India yang berasa diri mereka ditindas dan tidak mendapat layanan sewajarnya daripada kerajaan. Parti MIC juga telah mula mengubah pendiriannya supaya lebih lantang memperjuangkan nasib kaum India. Umpayamanya Datuk Seri Samy Vellu di laporkan mendesak pucuk pimpinan negara untuk membebaskan lima orang pemimpin HINDRAF yang telah di tahan polis di bawah Akta Keselamatan Daalam negeri (ISA). Dalam situasi sekarang BN perlu mengambil langkah bijak untuk menyakinkan parti komponennya yang lain, bahawa BN mampu mengembalikan kepercayaan semua rakyat Malaysia yang berbilang kaum kepada pemerintah. Tindakan ini juga amat penting bagi mengekalkan kepercayaan parti komponennya terutamanya dari Sabah dan Serawak seperti Parti Pesaka Bumiputera (PBB), Parti Bersatu Sabah (PBS), Parti Rakyat Serawak (SAPP) dan lain-lain yang membantu BN membentuk kerajaan pemerintah di Malaysia. (Thock Ker Pong, 2008).

## Reaksi Pakatan Pembangkang

Pilihan Raya ke 12 gabungan parti pembangkang membentuk Pakatan Rakyat yang dianggotai PKR, PAS dan DAP. Di pihak pembangkang muncul PKR sebagai parti pembangkang yang terbesar dengan kerusi Parlimen yang berjumlah 31 kerusi turut menjanjikan suatu perkembangan politik yang lebih sihat. Ini adalah kerana PKR merupakan sebuah parti yang bergerak atas landasan pelbagai kaum dan memperjunangkan kepentingan rakyat yang menjangkaui batasan etnik. Pakatan Rakyat juga mengambil ketetapan untuk menggunakan gagasan bersama yang berlandasan ketuanan rakyat bagi mentadbir lima buah negeri. Kerajaan PR menunjukkan sesuatu yang agak baik dalam masa yang agak singkat dengan mengutamakan sesuatu yang agak positif misalnya kerajaan Perak telah mengumumkan pemberian geran pendudukan kekal kepada semua penghuni kampung-kampung Cina dalam tempoh yang singkat (Nanyang Siang Pau, 3.4.2008). Kerajaan negeri itu juga turut melaksanakan polisi cukai pintu yang berjumlah RM1 kepada semua premis agama tanpa mengira agama. Kerajaan pakatan rakyat di lihat sedaya upaya cuba menuaikan janji mereka semasa berkempen.

Walaupun begitu pakatan rakyat juga tidak terlepas dari masalah dan kepincangan di dalam hubungan mereka. Misalnya di Perak DAP yang memenangi kerusi DUN terbanyak, iaitu berjumlah 18 kerusi, tetapi parti itu pada mulanya tidak dapat bertolak ansur menerima calon PAS yang hanya memenangi enam kerusi DUN sebagai Menteri Besar. Tokoh DAP, Lim Kit Siang yang pada mulanya sangat tidak berpuas hati menggesa semua ahli DUN partinya memboikot istiadat angkat sumpah perlantikan Menteri Besar, kemudian pemimpin tersebut menarik gesaan tersebut dan meminta maaf secara terbuka kepada Sultan Perak. Di negeri Selangor pula DAP pada mulanya menuntut agar jawatan Menteri Besar diwujudkan dan diberikan kepada mereka memandangkan mereka memenangi kerusi DUN sebanyak 13 berbanding dengan 15 kerusi PR. Namun akhirnya pucuk pimpinan menerima perlantikan Pengerusi DAP negeri sebagai ahli Exco kanan. (Thock Ker Pong, 2008)

Manakala di Pulau Pinang Ketua Menteri Lim Guan Eng telah mengeluarkan kenyataan bahawa kerajaan negerinya akan memansuhkan prinsip Dasar Ekonomi Baru (DEB) dalam penawaran tender kepada golongan Bumiputera. Walaupun langkah ini dikritik UMNO dan PKR. Ketiga-tiga parti komponen Pakatan Rakyat turut mengambil ketetapan untuk tidak mewujudkan parti tunjang dalam pakatan dan bergerak dengan berlandaskan perinsip sama taraf yang berasaskan semangat permuafakatan (Mingguan Malaysia 13.4.2008). Ketetapan ini merupakan satu kekuatan yang lebih mampu meraih sokongan kaum Cina dan India berbanding dengan pakatan BN yang didominasi oleh UMNO.

Para pemimpinan parti-parti komponen PR turut bersetuju mengeluarkan kenyataan bersama berkenaan dengan isu politik dan menggesa para ahli mereka agar tidak membuat kenyataan yang bertentangan dengan pendirian bersama PR. Pendapat yang dikeluarkan oleh seorang pemimpin parti komponen pakatan pembangkang tidak mencerminkan penderian mereka. Misalnya pandangan diajukan Harun Din, Naib pengerusi Majlis Ulama Pas di Harakah Daily pada (10.4.2008) yang menggesa agar para penyokong PAS bersabar dan menunggu sehingga Parti itu berjaya merampas Pentadbiran Kerajaan Pusat untuk membolehkan partinya melaksanakan hukum hudud di Malaysia. Pendapat ini telah menimbulkan kekecoh dan kebimbangan kaum Cina dan India. Pakatan Rakyat telah cuba mengatasi isu ini dan akhirnya mereka masih mampu menangani isu ini. (Thock Ker Pong, 2008).

Perkembangan-perkembangan ini jelas menunjukkan bahawa parti PKR, DAP dan PAS sedang mencuba untuk membuktikan mereka mampu berkompromi dan bekerjasama demi kepentingan PR. Para pemimpin parti-parti komponen PR kelihatan menghargai bentuk kerjasama yang dibentuk dan dijalin sesudah 8 Mac dan mereka agak berhati-hati dalam tindakan politik dan dalam memberi pandangan pada pihak media. Mereka menyedari bahawa PR merupakan pakatan terhasil setelah tsunami politik, terdedah kepada berbagai-bagai gangu gugat.

Kekuatan Pakatan Rakyat berkait rapat kelebihan Anwar Ibrahim, pemimpin *de facto* PKR memainkan peranan sebagai prime-mover pakatan itu. Meskipun Anwar Ibrahim hanya penasihat PKR, namun tokoh itu merupakan seorang pemimpin politik berkarismatik yang mampu berperanan sebagai daya pengikat kepada parti-parti komponen PR. Ketokohnanya dalam menerajui Gerakan Reformasi pada tahun 1988 ternyata menyerlah semula dalam kempen PRU-12. Kini, Anwar merupakan penggerak dan pemangkin kepada PR serta diterima dengan baik oleh para penyokong parti-parti komponen. Umpamaya Lim Guan Eng dilaporkan berkata beliau menyokong Anwar sebagai calon Perdana Menteri Malaysia (Nanyang Siang Pau, 17.3.2008).

Malah sesentengah pemerhati politik Malaysia beranggapan Anwar ialah *Prime Minister in Waiting*. Tambahan pula kembalinya Anwar Ibrahim ke Parlimen dengan kemenangan kawasan Permatang Pauh, Pulau Pinang. Kawasan Permatang Pauh bukan sesuatu yang asing bagi Anwar Ibrahim, beliau masuk ke kancah politik dengan menyertai UMNO dan menjadi calon UMNO pada pilihan raya Permatang Pauh pada tahun 1982, beliau telah dapat menamatkan pengaruh pembangkang di kawasan Permatang Pauh. Mungkin dahulu tiada siapa yang terfikir seorang yang pernah menjadi ‘tulang belakang’ kepada UMNO, setelah 26 tahun berlalu menjadi peneraju kepada kebangkitan gelombang yang menghakis kuasa dan pengaruh BN dalam arena politik Malaysia. Adakah impian beliau untuk menjadi perdana menteri akan tercapai? Mampukah PKR, DAP dan PAS berkompromi untuk bersetuju dan membenarkan Anwar Ibrahim menjadi Perdana Menteri jika propaganda mereka bahawa 30 ahli Parlimen BN dari Sabah dan Sarawak akan keluar dari parti serta menyertai pakatan pembangkang (PR). Sekiranya perkara tersebut benar-benar berlaku ia akan memberi kejutan dan transformasi terbesar dalam politik Malaysia. Biarlah masa dan takdir yang menentukannya.

## KESIMPULAN

Walaupun Barisan Nasional mengalami kemenangan secara minoriti dalam Pilihan Raya Umum ke-12 ini namun Barisan Nasional tetap menerajui kepimpinan negara. Keputusan yang mengejutkan ini tidak pernah dijangkakan dan melakar sejarah baru buat Malaysia. Kerajaan Barisan Nasional berada pada tahap yang kritikal pada masa ini. Pengagihan jawatan yang saksama dan ikrar melakukan yang terbaik saja tidak mencukupi kerana baki penggal parlimen kali ini menjadi medan penting kepada masa depan Barisan Nasional, sama ada rakyat sedia menyokong kembali kerajaan Barisan Nasional atau pun menyokong pihak pembangkang. Pelbagai ura-ura yang dibangkitkan oleh Pakatan Rakyat bahawa mereka akan memerintah negara dalam masa terdekat dan mengkritik kerajaan kepimpinan Barisan Nasional. Walaubagaimanapun kerajaan Barisan Nasional haruslah mencuba untuk memenangi hati rakyat dalam masa terdekat ini supaya dapat memperolehi kembali majoriti pada pilihan raya umum ke-13 yang akan datang. Selain itu kerajaan Barisan Nasional haruslah memupuk perpaduan semua kaum dan memenuhi keperluan semua lapisan masyarakat untuk memperbaiki imej mereka yang terjejas pada Pilihan Raya Umum yang ke-12 lepas. Setiap tindak

tanduk BN dan PR akan menjadi penentu *survival* politik mereka. Rakyat akan menghakimi siapa yang dianggap lebih baik untuk menerajui negara pada Pilihan Raya Umum ke-13 yang akan datang.

## **RUJUKAN**

Aninah Janang. (2008). Politik Selepas Pilihanraya dalam *Dewan Masyarakat Jun 2008*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka

*Mingguan Malaysia* 13.4.2008; 4.5.2008

*Nanyang Siang Pau* 11.3.2008; 17.3.2008; 3.4.2008; 9.5.2008

Ramlah Adam. (2003). *Sejarah Perkembangan Pilihanraya Era Pra-Merdeka, 1955*; Kuala Lumpur Institut Kajian Sejarah Dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).

Sia keng Yek (1997). *Perkembangan Politik Malaysia; Satu kajian tentang Asal Usul dan Perkembangan Gagasan Sistem Dua Barisan 1969-1995*. Tesis M.A Unervisi Kebangsaan Malaysia.

*Sin Chew Daily* 25.4.2008

Thock ker Pong, Markus Lim Hang. (2008). *Pemikir UMNO Dalam Dilema*, Bandar Baru Bangi. Selangor Darul Ihsan.